

Ruj. Kami : TNB(B)/PP&P/PPGN 17/2/1K Bhg. 3

18 November 2011

Presiden
Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA)
No 50G-3, 50H-3, 50I-3
Kelana Mall, jalan SS6/14
Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor

Presiden
The Electrical & Electronic Association of Malaysia (TEEAM)
5-B Jalan Gelugor
Off Jalan Kenanga
55200 Kuala Lumpur

Presiden
Association of Consulting Engineering of Malaysia (ACEM)
63-2 & 65-2, Medan Setia 1
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Presiden
Master Builders Association Malaysia (MBAM)
2-1 Jalan 2/109E
Desa Business Park
Taman Desa
Off Jalan Klang Lama
58100 Kuala Lumpur

Pengarah Kanan
(Cawangan Kejuruteraan Elektrik)
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tingkat 11, Centre Point North
The Boulevard Mid Valley City
59200 Kuala Lumpur

20

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGUNAAN MANDATORI SISTEM *e-APPLICATION*
BAGI SEMUA PERMOHONAN BEKALAN TENAGA ELEKTRIK
OLEH PEMAJU PERUMAHAN BERKUATKUASA 01 JANUARI 2012**

**Contoh Notis
Untuk Pemakluman kepada Ahli-Ahli Persatuan dan Pihak-Pihak Yang Berkaitan**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Sebagaimana pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, sistem *e-Application* akan dimandatorikan penggunaannya bagi semua permohonan bekalan tenaga elektrik oleh pemaaju perumahan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2012**.

3. Dalam usaha kami untuk memaklumkan semua pihak yang terlibat mengenai arahan penguatkuasaan ini, pihak kami telah menyediakan satu notis pemakluman seperti yang dilampirkan untuk menyeragamkan maklumat yang disampaikan kepada semua pihak yang berkenaan.

4. Pihak kami akan emelkan *softcopy* notis tersebut kepada pihak tuan dan harapan kami semoga mendapat kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua ahli dan pihak yang berkaitan untuk persiapan awal dan tindakan susulan pihak pemaaju perumahan dan mana-mana pihak lain yang terlibat. Cadangan penyampaian maklumat boleh menerusi emel, bulletin, majalah, papan notis dan apa jua saluran komunikasi yang digunapakai.

5. Semoga sokongan berterusan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan akan dapat dimanfaatkan ke tahap yang maksima untuk terus menjayakan sistem *e-Application*.

Sekian, terima kasih.



“Penggerak Kemajuan Negara”

(Ir. Nirinder Singh Johl)

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna & Pemasaran)
Bahagian Pembahagian, TNB

TNEPP/PCRM/nu/pjs/11/12

ENGLISH VERSION

Mandatory Usage of e-Application by all Housing Developers

This is to notify all parties concerned that Tenaga Nasional Berhad is making mandatory for all submissions of electricity supply applications by Housing Developers to be made through e-Application with effect from **1st January 2012**.

All Housing Developers are advised to carry out the necessary preparations to ensure the smooth running of your operations after the effective date.

Features of e-Application

- ❖ An online application module for individual customers, electrical contractors and developers
- ❖ Promoting transparency of services and speed enhancement
- ❖ Supporting a greener business process environment
- ❖ Introducing convenience via a comprehensive web-based solution

Benefits of e-Application

- Application forms can now be completed online
- Reduced counter processing time at TNB's *Pusat Khidmat Pelanggan*
- e-Filing : Safer environment, easy record retrieval
- Real-time application process monitoring tool
- Less paper : Definitely MORE environmental friendly
- Ensure customers acquire services ONLY from certified electrical contractors
- Online status monitoring for project and individual applications
- Mass promotion of registered contractors to TNB's new customers
- Advanced electricity system planning for housing projects
- Efficient and faster way to complete Group Supply Application forms

Housing developers who have not registered with e-Application can do so by visiting the following URL:-

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/Register.aspx>

New e-Application users may refer to the manual provided for in the system. The e-Application manual can be downloaded via the following URL:-

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/UserManuals.aspx>

All states are equipped with *Subject Matter Experts (SME)* and they will be contact persons for everything related to e-Application. These SMEs are contactable as per the list provided for via the following URL:-

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/SMEList.aspx>

TNB has set up an e-Application Helpdesk and all enquiries can be forwarded to the following email address:-

eapplication@tnb.com.my

TNB's OSEC (One Stop Enquiry Center) will open up a dedicated channel for e-Application enquiries beginning 15th December 2011. The number to call is as follows:

TNB Careline at 1300-88-5454

System users can now view project and individual application status online via e-Application via the following URLs:

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/ProjectStatus.aspx>
<https://eapplication.tnb.com.my/Public/ApplicationStatus.aspx>

BAHASA MELAYU VERSION

Penggunaan Mandatori Sistem e-Application Bagi Semua Pemaju Perumahan

Adalah dimaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad akan memandatorikan penggunaan e-Application sepenuhnya untuk permohonan bekalan tenaga elektrik bagi semua Pemaju Perumahan berkuatkuasa mulai **01 Januari 2012**.

Semua Pemaju Perumahan diminta membuat persiapan yang sewajarnya supaya operasi kerja YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan tidak terjejas mulai tarikh tersebut.

Fungsi e-Application

- ❖ Module *online* untuk pengguna individu, kontraktor elektrik dan pemaju
- ❖ Mempromosikan perkhidmatan telus dan *speed enhancement*
- ❖ Menyokong persekitaran proses bisnes hijau
- ❖ Memperkenalkan kemudahan melalui solusi web yang komprehensif

Benefits of e-Application

- Borang permohonan kini boleh diisi secara online, tidak lagi secara manual
- Mempercepatkan proses di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan TNB
- E-Filing : Persekitaran yang lebih selamat dan memudahkan penyimpanan/pencarian rekod
- Proses pemantauan permohonan secara *real time*
- Persekitaran hijau dengan penggunaan kertas yang berkurangan
- Pengguna dapat melanggan perkhidmatan daripada kontraktor elektrik yang bertauliah
- Pemantauan status projek dan permohonan individu secara *online*
- Mempromosi kontraktor berdaftar kepada pengguna baru
- Perancangan sistem untuk projek perumahan
- Kaedah lebih efisien untuk menyiapkan borang *Group Supply Application*

Bagi Pemaju Perumahan yang belum berdaftar dengan e-Application, pendaftaran boleh dibuat melalui URL berikut:-

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/Register.aspx>

Para pengguna baru sistem e-Application boleh merujuk kepada Manual e-Application yang telah disediakan dan dimuatnaikkan ke dalam laman web TNB. Manual tersebut boleh dimuat-turunkan melalui URL berikut:

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/UserManuals.aspx>

Semua negeri mempunyai *Subject Matter Expert (SME)* dan mereka merupakan *contact person* untuk hal-hal berkaitan e-Application. SME boleh dihubungi melalui senarai mengikut negeri di URL berikut:

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/SMEList.aspx>

Helpdesk e-Application telah disediakan dan sebarang pertanyaan melalui emel boleh dihantar ke alamat emel berikut:

eapplication@tnb.com.my

OSEC (*One Stop Enquiry Centre*) TNB akan membuka satu saluran khusus untuk pertanyaan e-Application bermula 15 Disember 2011. Nombor untuk dihubungi adalah seperti berikut:-

Careline TNB di 1300-88-5454

Pengguna sistem kini boleh memantau status permohonan untuk projek dan individu secara online melalui URL berikut:

<https://eapplication.tnb.com.my/Public/ProjectStatus.aspx>
<https://eapplication.tnb.com.my/Public/ApplicationStatus.aspx>

MEMORANDUM



Rujukan Kami : TNB(B)/PP&P/PPGN 17/2/1K Bhg.

18 November 2011

Ketua Pegawai Maklumat
Bahagian ICT
Tenaga Nasional Berhad

Y.Bhg. Dato',

PENGUNAAN MANDATORI SISTEM e-APPLICATION UNTUK PERMOHONAN BEKALAN TENAGA ELEKTRIK BAGI PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan tertinggi TNB telah membuat keputusan untuk memandatorikan penggunaan sistem *e-Application* bagi semua proses permohonan bekalan elektrik oleh pemaju-pemaju perumahan berkuatkuasa mulai **01 Januari 2012**.

3. Pihak kami telah mengadakan sesi penerangan tentang pelaksanaan mandatori *e-Application* ini kepada pelanggan melalui Persatuan Pemaju Perumahan (REHDA), Persatuan Kontraktor Elektrik (TEEAM), Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan Association of Consultant Engineering Malaysia (ACEM) pada 10 November 2011. Di samping itu, sesi *refresher course* kepada anggota kerja Bahagian Pembahagian di seluruh negara juga telah diadakan bagi memantap dan meningkatkan lagi kemahiran dalam menggunakan sistem *e-Application*.

4. Pada dasarnya, pihak kami mendapati bahawa sistem *e-Application* ini boleh diguna pakai oleh pengguna. Walau bagaimanapun, pihak kami mendapati masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dengan segera bagi memastikan reliabiliti dan kestabilan sistem ini tidak diragui, terutamanya ketika dimandatorikan penggunaannya kelak.


5. Untuk makluman Y.Bhg. Dato', isu berkaitan kelemahan/masalah sistem ini yang sering 'hang' atau 'log out' ada dibangkitkan melalui beberapa siri perbincangan dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Y.Bhg. Dato' yang bertanggungjawab dalam membangunkan sistem tersebut.

6. Kerjasama Y.Bhg. Dato' untuk memastikan kelemahan/ masalah ini dapat diselesaikan menjelang 1 Januari 2012 adalah dihargai.

**PENGUNAAN MANDATORI SISTEM e-APPLICATION UNTUK PERMOHONAN BEKALAN
TENAGA ELEKTRIK BAGI PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN**

Sekian, terima kasih.

"WE'VE GOT THE POWER : to serve, to deliver, to excel"



Mr. Nirinder Singh Johl)
Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna & Pemasaran)
Bahagian Pembahagian, TNB

s k. Ketua Pegawai Operasi/ Pengarah Eksekutif
Tenaga Nasional Berhad

Naib Presiden (Pembahagian)
Tenaga Nasional Berhad

Pengurus Besar Kanan (Operasi – Wilayah 1)

Pengurus Besar Kanan (Operasi – Wilayah 2)